

# BULETIN POLITEKNIK NILAI

## EDISI SEPT-DIS 2020

**Selamat Datang ke Politeknik Nilai dan tahniah diucapkan kepada Tn Hj Wan Zulkifly Wan Zakaria di atas pelantikan beliau sebagai Pengarah Politeknik Nilai berkuatkuasa pada 16 Nov 2020 (Isnin). Semoga PNS terus cemerlang di bawah pentadbiran beliau.**

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI **POLITEKNIK MALAYSIA** NILAI

Warga Politeknik Nilai  
Mengucapkan  
**Selamat Datang**  
Kepada  
**TUAN HAJI WAN ZULKIFLY BIN WAN ZAKARIA**  
PENGARAH POLITEKNIK NILAI  
Berkuatkuasa 16 November 2020



UKKPNS



### Majlis Penyerahan Insentif Kecemerlangan Sukan

YB Dato' Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Insentif Kecemerlangan Sukan di Marriott Putrajaya. Seramai 147 orang atlet IPT cemerlang di Temasya Sukan SEA ke-30 Filipina telah menerima insentif ini, di mana 10 penerima adalah daripada Politeknik Malaysia. Insentif ini merupakan satu usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada atlet IPT yang cemerlang serta bergiat aktif dalam sukan di peringkat tertinggi. Turut hadir sama ialah YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti. Tahniah diucapkan khas buat pelajar-pelajar Politeknik Nilai yang terpilih sebagai atlet yang cemerlang



### Majlis Polytechnic Sports Excellence Award (PolySEA) 2019

Majlis yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Politeknik (MSP) dan dihostkan oleh PNS ini telah berlangsung dengan lancar dan penuh gemilang di The Everly Putrajaya. Majlis telah dirasmikan oleh Ts Dr Muhammad Naim Yaakub, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Turut hadir di majlis tersebut adalah Ts Hj Muhamad Rumzi Mamat, YDP MSP dan pengarah-pengarah Politeknik. Tahniah diucapkan kepada PNS kerana telah merangkul 3 anugerah melalui Ahmad Nor Iman Hakim Rakib (Olahragawan-Taekwando), Qasidah Najwa Muhammad Hilmi (Atlet Harapan Wanita-Hoki) dan Politeknik Negeri Terbaik (Negeri Sembilan-PNS dan PPD).

## Program SE@C 2020 Fasa 2: Bimbingan & Latihan

Majlis Perasmian Penyerahan NFT Smart Pergola kepada komuniti terpilih. Majlis ini telah disempurnakan oleh Hj Wan Zulkifly Wan Zakaria, Pengarah PNS. " cepatnya sayur-sayuran ni membesar... bagus alat ni.... " kata Pn Rusnani Ramli, penerima set NFT Smart Pergola yang dihasilkan oleh pelajar PNS untuk menjalankan aktiviti penanaman dan seterusnya menjana pendapatan melalui hasil tanaman yang dijual.



### Lensa IPT

Lensa IPT bersama En Saifuddin Ahmad dan En Is Aizat Samsuri membincangkan topik 'Tingkat Kemahiran Jana Pendapatan' menerusi saluran 123\_beritartm



## Pemantauan Projek Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) 2020 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)- Audit Naziran di Politeknik Nilai





### **Bengkel Penerbitan Buku Laporan Tahunan Politeknik Nilai (PNS)**

Sesi penyelarasan bahan pelaporan bagi penerbitan Buku Laporan Tahunan PNS 2019/2020 yang diketuai oleh Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi binti Talib telah diadakan. Melalui penganjuran bengkel selama 2 hari. Melalui bengkel tersebut, banyak idea, pandangan serta panduan telah dikongsi dan dijadikan input penambahbaikan terhadap penyediaan Laporan Buku Tahunan PNS 2019/2020.



### **Kursus Dashboard Reporting using Business Intelligence Tools**

Kursus ini telah dianjurkan oleh Jabatan Perdagangan (JP) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Kompetensi (PPK), Politeknik Nilai. Kursus ini sangat bermanfaat kepada para peserta bagi memahami dengan lebih jelas kemampuan Microsoft Excel menghasilkan Dashboard Reporting dan ciri 'tips and trick' yang terdapat dalam Excel. Terima kasih diucapkan kepada penceramah jemputan iaitu Hj Azizul Bin Bachok, Microsoft Freelance Trainer.



### **Bengkel Asas Pengurusan Aset Sistem MySPA**

Unit Pengurusan Aset & Stor telah mengadakan Bengkel Asas Pengurusan Aset Sistem MySPA bertempat di Bilik Komputer, ULPL. Bengkel ini melibatkan semua penyelar aset di jabatan, unit dan pusat.

## Kursus Penggunaan Alat Pemadam Api

Kursus ini memberikan pendedahan kepada peserta tentang alatan pemadam api yang disyorkan JBPM, jenis-jenis lokasi kebakaran, langkah keselamatan bagi mencegah berlaku kebakaran, langkah-langkah yang betul untuk mengendali api kecil bagi jenis-jenis kebakaran berbeza seperti kebakaran alatan elektronik, kebocoran dapur gas, kebakaran alatan memasak dan kebakaran dalam kereta. Selain itu, peserta diajar cara membuka alat pemadam api dan penggunaan pemadam api berdasarkan kaedah PASS (Pull, Aim, Squeeze and Sweep) iaitu amalan penggunaan yang disyorkan JBPM



## Kelas Al Quran Muslimat Politeknik Nilai



Kelas Mengaji Muslimat merupakan kelas belajar mengaji al-Quran dalam kalangan 25 orang kakitangan wanita PNS yang berdaftar. Kelas berlangsung selama 2 bulan bermula bulan 1 September 2020 sehingga 30 Oktober 2020 dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Islam, PNS

## Sesi Fotoshoot Barisan Pengurusan Politeknik Nilai

Sesi kali ini melibatkan Barisan Pengurusan Politeknik Nilai yang terdiri daripada Dr Isdawati Ismail, Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Jaringan Industri) dan Dr Ahmad Razimi Mat Lazim, Timbalan Pengarah (Pembangunan Hal Ehwal Pelajar). Sesi ini dikendalikan oleh Unit Komunikasi dan Korporat (UKK) di bawah Projek Pembangunan Video Korporat Politeknik Nilai.



## Mesyuarat Audit Beban Tugas Pensyarah Politeknik Nilai

Mesyuarat ini bertujuan membincangkan rumusan Kajian Tindakan mengenai beban tugas pensyarah PNS yang telah dibuat oleh pihak pengurusan PNS. Kajian tindakan ini dijalankan bertujuan untuk membantu semua pensyarah supaya rasa gembira dan tidak terbeban untuk datang bertugas.



## Mesyuarat Pengurusan Unit Komunikasi dan Korporat (UKK) bersama Tn Pengarah

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tn Hj Wan Zulkifly Wan Zakaria, Pengarah PNS bagi menyelaras skop tugas dan peranan UKK dalam memastikan objektif dan matlamat PNS dapat dilaksanakan dengan cemerlang demi imej dan prestasi PNS. Mesyuarat turut dihadiri oleh En Zainal Ab Rahman, Timbalan Pengarah (Akademik).




## Sesi Perjumpaan Pengarah PNS bersama AMP

Sesi perjumpaan AMP bersama dengan Pengarah PNS, Tn Hj Wan Zulkifly Wan Zakaria di Dewan Kuliah Utama (DKU). Antara perkara yang disampaikan oleh beliau dalam sesi tersebut adalah PdP dalam talian, program/aktiviti pelajar, hubungan yang baik di tempat kerja dan isu-isu berkaitan aduan. Beliau juga berharap barisan AMP terus dapat bersama membantu Politeknik Nilai terus cemerlang di masa akan datang.




## Majlis Tautan Kasih Junjungan Budi

Majlis ini dianjurkan oleh PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) di Kinrara Resort, Puchong. Antara pengisian majlis ini adalah Pertandingan Warisan Budaya Wanita Bergaya. Majlis telah dirasmikan oleh Pn Majidah Zakaria, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JPPKK. Politeknik Nilai telah diwakili oleh 5 orang ahli PUSPANITA termasuk Dr Isdawati Ismail, Timbalan Pengerusi PUSPANITA PNS menghadiri majlis tersebut. Tahniah diucapkan kepada pasukan PUSPANITA PNS kerana telah memperoleh tempat keempat dalam Pertandingan Warisan Budaya Wanita Bergaya melalui model PNS, Pn Raja Aidamila Raja Abdullah.



## Tabung COVID-19 PUSPANITA Cawangan Politeknik Nilai

Dengan rendah hati PUSPANITA Cawangan PNS di bawah Biro Kebajikan telah mengumpulkan sumbangan dalam bentuk wang atau barangan keperluan bagi membantu keluarga pegawai Penjara Seremban yang terkandas dalam PKPD Penjara Seremban. Wang dan barangan tersebut akan diserahkan kepada keluarga-keluarga tersebut. Keluarga yg terlibat adalah sebanyak 90 buah keluarga.



Penyerahan Pakaian Terpakai Warga PNS sempena Hari Pengumpulan Pakaian Terpakai yang dianjurkan oleh UPM di Dewan Besar UPM. PNS melalui Biro Sosial PUSPANITA mengadakan pengumpulan pakaian tersebut bermula 17 Ogos 2020.



## Program Social Enterprise @ Community (SE@C) 2020

Perasmian program ini telah berlangsung di Balai Raya Felda LBJ, Negeri Sembilan dan dihadiri oleh 25 orang penduduk Felda LBJ. Program anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) ini dilaksanakan di bawah Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB). Dalam program ini, JAB menghasilkan pembuatan sabun dengan menggunakan minyak masak terpakai dan membuat perkongsian ilmu tentang cara untuk mengitar semula barangan terpakai. Objektif program ini adalah untuk membantu dan meningkatkan pendapatan golongan asnaf, ibu tunggal, anak muda yang menganggur, miskin bandar, golongan B40 atau peniaga kecil kecil. Melalui program ini, mereka diberi latihan dan bimbingan dalam meningkatkan pendapatan isi rumah menerusi peniagaan.





### Bengkel Pembuatan Sabun Untuk Staf Solid Waste Management Environment Management Sdn Bhd (SWM).

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Cik Irmawati Akma dari Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB). Seramai 5 orang staf SWM telah hadir untuk belajar secara praktikal. Bengkel ini telah berlangsung di makmal molekular JAB. Pihak SWM merancang untuk menyebarkan bengkel pembuatan sabun kepada ramai pihak bagi meningkatkan kesedaran untuk mengitar semula minyak masak.



### Kursus Keusahawanan Miniature Garden

Kursus ini dijalankan secara online untuk meningkatkan kepakaran pensyarah Diploma DLH tentang ilmu keusahawanan terutamanya dalam bidang miniature garden. Kursus ini dihadiri oleh 17 orang pensyarah DLH. Kursus ini juga menjalankan praktikal secara maya di mana setiap peserta perlu menghasilkan 1 miniature garden. Syabas dan Tahniah kepada semua yang terlibat.





### **Validasi calon kenaikan pangkat pegawai DH48 ke DH52**

Pada 14 – 18 Disember 2020 yang lepas seramai 16 orang pegawai PNS Gred DH48 telah terlibat dengan sesi validasi calon kenaikan pangkat ke Gred DH52. Daripada jumlah tersebut 12 orang memohon menggunakan Kategori I, 2 orang (Kategori II) dan masing-masing seorang bagi permohonan Kategori III dan IV. Bagi calon Kategori I & II, pusat panel adalah di POLIMAS, manakala bagi kategori III pula pusat panel adalah di JPPKK, sementara bagi calon Kategori IV pula pusat panel adalah di PSP. Semua proses validasi dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya. Semua calon yang terlibat telah menunjukkan usaha dan komitmen yang amat tinggi dalam membuat persiapan serta melalui proses validasi tersebut. Semoga semua peserta yang memohon akan beroleh kejayaan dalam permohonan kenaikan pangkat mereka nanti. Dalam tempoh dan tarikh yang sama juga PNS turut dilantik untuk menjadi urusetia bagi 2 pusat panel yang melibatkan 2 kumpulan panel. Bagi Pusat Panel 1, panel validasi yang terlibat adalah Dr Setiawan Hardono dan Ustaz Amri bin Abdullah. Mereka melaksanakan tugas sebagai panel bagi 18 orang calon kategori I & II dari PTSS, KK Arau, KK Bayan Baru, KK Bandar Darul Aman, KK Sungai Petani dan KK Taiping. Manakala bagi Pusat Panel 2 pula, panel yang terlibat adalah pn. Hjh Rohana bt Hassan Basri dan Ustaz Wan Hujjatullah bin Wan Ghazali pula melaksanakan tugas sebagai panel bagi 16 orang calon Kategori I & II dari Politeknik Banting, KK Kuala Langat, KK Hulu Langat serta calon yang sedang cuti belajar. Proses validasi secara atas talian yang berlangsung di Politeknik Nilai ini telah diurusetikan oleh Pusat Pembangunan Kompetensi dan Unit teknologi Maklumat (ICT).





# **AHLI SIDANG REDAKSI**

## **Penaung**

Tn Hj Wan Zulkifly Wan Zakaria (Pengarah)

Dr. Isdawati Ismail (Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Jaringan Industri)

## **Ketua Editor**

Nur Hazeleen Bashah

## **Editor**

Dr. Hajah Nor Hayati Fatmi Talib

Hasani Gazali

## **Editor Teknikal**

Qyurul Zeta Ishak

## **Editor Rekabentuk**

Azalinda Mat Saad

Disediakan oleh:

**Unit Penerbitan Politeknik Nilai**

